

Rezeki halal mengundang berkat



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun 1441 Hijrah dan Doa Kesyukuran sempena Kepulauan Jemaah Haji Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) (tiga, kiri), manakala gambar kanan, jemaah haji yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa diraikan dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 September. - Mencari rezeki yang halal itu merupakan satu usaha untuk mengundang berkat dan rahmat dan jika penduduk sesebuah negara itu beriman dan bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, akan dibukakan pintu kerahmatan dari langit dan bumi untuk kesejahteraan negara tersebut.

Demikian antara isi tazkirah bertajuk 'Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat' disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam bagi menyerikan Majlis Sambutan Awal Tahun 1441 Hijrah dan Doa Kesyukuran sempena Kepulauan Jemaah Haji Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa.

Di samping itu, beliau juga mengingatkan kita sebagai umat Islam perlu berhati-hati dengan sumber rezeki yang membelakangkan hukum-hukum dan mengerjakan pekerjaan sebagai amanah bagi mencari keberkatan rezeki yang diterima, dan banyakkal bersedekah dan bersyukur dengan rezeki Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis kelolaan bersama Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Perkhidmatan Pos tersebut berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, bangunan MTIC, Jalan Menteri Besar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul

Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Jabatan Pengangkutan Darat, Haji Rozaly bin Haji Saidon, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Majlis diakhiri dengan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Kesyukuran bagi meraikan kepulauan seramai sepuluh orang jemaah haji terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir, Setiausaha Tetap MTIC; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, CyberSecurity, Strategi dan Korporat) MTIC; Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), dan Ketua Eksekutif Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).



SEBAHAGIAN daripada jemaah haji wanita terdiri daripada pegawai dan kakitangan MTIC yang diraikan pada Majlis Sambutan Awal Tahun 1441 Hijrah dan Doa Kesyukuran.

Hubungan Brunei bersama negara sahabat terus kukuh

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

JERUDONG, Selasa, 3 September. - Hubungan dan kerjasama yang erat di antara Brunei Darussalam dan negara-negara sahabat semakin kukuh di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh R. Al Mutairi ketika ditemui pada Majlis Resepsi yang disembahkan oleh Ketua-ketua Perwakilan Negara-negara Sahabat Yang Menetap di Negara Brunei Darussalam di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Country Club, di sini menyatakan, acara tersebut

memberikan makna kepada beliau dan berasa gembira kerana dapat bertemu baginda dan kerabat diraja yang lain.

TYT seterusnya mendoakan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain akan dikurniakan kebahagiaan, kemakmuran dan kesihatan berpanjangan.

Secara peribadi, TYT menjelaskan, Kuwait dan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk meningkatkan dalam bidang ketenteraan kerana Brunei mempunyai banyak pengalaman mengenainya dan perlu dipelajari untuk masa hadapan manakala dalam pendidikan TYT merasa gembira dengan adanya pertukaran pelajar-pelajar antara kedua buah negara yang akan bermula tahun 2020.

Manakala itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul

berkata, ia merupakan tahun pertama meraikan sambutan berkenaan dan berasa bertuah kerana dapat meraikan pelbagai acara penting negara ini.

Kedua-buah buah negara juga mempunyai banyak persamaan, terutama dalam hubungan raja dan rakyatnya yang dilihat dengan penuh kasih sayang dan PYT berdoa agar baginda dilanjutkan usia bersama kerabat diraja yang lainnya serta rakyat di negara ini.

PYT melahirkan rasa gembira kerana berpeluang bersama-sama menyambut Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73 serta beramah mesra dengan baginda.

Majlis Resepsi berkenaan disembahkan oleh 29 Ketua Perwakilan Negara Sahabat Yang Menetap di Negara Brunei Darussalam.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh R. Al Mutairi.